

'Muhyiddin tidak cukup jumlah kerusi'

Ahmad Zahid dedah terdapat pertindihan akuan berkanun antara PN dan BN

Kuala Lumpur: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mendedahkan Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak mempunyai jumlah sokongan mencukupi daripada Ahli Parlimen untuk membentuk kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) pada 2022.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu yang juga Presiden UMNO berkata, jumlah sokongan 115 Ahli Parlimen seperti didakwa Muhyiddin itu berkurangan apabila terdapatnya pertindihan akuan berkanun (SD) antara PN dan BN.

“Sebenarnya dia (Muhyiddin) tidak cukup jumlah kerusi (untuk bentuk kerajaan).

“Apa yang dikatakan oleh beliau (Muhyiddin), ini (Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki) saksi hidup 115 SD yang dikatakan ada itu, termasuk 10 SD daripada Ahli Parlimen (BN) yang menandatangani dua SD.

“(Maksudnya) dengan BN pun dia tandatangan, dengan PN pun mereka tandatangan. Itu sebabnya jumlah sebenar hanya ada 105 SD. 105 SD tidak cukup nak bentuk kerajaan,” katanya pada

sidang media selepas melawat Laman Media sempena Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), di sini semalam.

Beliau berkata demikian mengulas ucapan Muhyiddin ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri yang mana Ahli Parlimen Pagoh yang juga Presiden BERSATU itu mendakwa mempunyai 115 SD sebagai sokongan selepas PRU15.

Disoal siasat sentuh isu 3R

Kelmarin, Muhyiddin ketika disoal siasat polis berhubung kenyataan menyentuh sensitiviti 3R ketika PRK Nenggiri, memaklumkan beliau menyerahkan beberapa dokumen kepada polis, termasuk 115 SD Ahli Parlimen yang memberikan kepercayaan kepadanya untuk dilantik Perdana Menteri selepas PRU15.

Ia membabitkan 114 SD yang diserahkan kepada Istana Negara pada jam 1.28 tengah hari, 21 November 2022 sebelum tempoh asal ditetapkan tamat, manakala satu lagi SD diserahkan kepada Istana Negara pada keesokan hari.

Turut diserahkan Surat Akuan Penerimaan Akuan Berkanun daripada Setiausaha Sulit Kanan Yang di-Pertuan Agong Ke-16, Kolonel (B) Datuk Nazim Mohd Alim bertarikh 21 November 2022 yang mengesahkan beliau menerima dokumen berkenaan serta dokumen lain yang berkaitan.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata, SD ditandatangani 10 Ahli Parlimen BN tidak sah kerana mereka terikat dengan tiga

dokumen ditandatangani ketika menerima watakah pelantikan calon yang diberikan sebelum PRU15 pada 2022 lalu.

“Setiap calon Parlimen BN perlu tandatangan tiga dokumen. Satu (dokumen) menyerahkan sepenuhnya kuasa kepada Pengerusi BN untuk membentuk kerajaan atau mewujudkan kerajaan campuran atas sebab tindakan ke arah pembentukan kerajaan.

“Kedua, menandatangani dokumen bahawa kerusi dimenangi itu adalah kerusi parti dan bukannya milik individu. Dokumen ketiga jika mereka keluar parti atau menyokong pihak lain, mereka mesti membayar RM100 juta sebagai denda.

“Ketiga-tiga dokumen ini ditandatangani dengan rakaman video di hadapan Pesuruhjaya Sumpah bersama tiga orang peguam. Jadi bagaimana kalau berlaku gila talak itu mahu menafikan situasi sebenarnya,” katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan UMNO, Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata Muhyiddin seharusnya bersikap ‘gentleman’ dengan menerima keputusan dibuat Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengenai pelantikan Perdana Menteri pada 2022.

Beliau berkata, sikap itu pernah ditonjolkan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika beliau menjadi Ketua Pembangkang semasa ‘Langkah Sheraton’ dibuat yang menyaksikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri ketika itu digantikan dengan Muhyiddin.